

Sept - Dis 2009



JABATAN KEBUDAYAAN
& KESENIAN NEGARA
جباتن كبودايان دان كسنيان نكارا

Buletin JKKN

ISSN 2180-009X Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara



Malaysia

Rakyat Didahulukan
Pencapaian Diutamakan



**Program Semarak Bangsawan - Masih Ada Yang Sayang
Semangat Perjuangan Gagasan 1 Malaysia
Bengkel Pemantapan dan Manifestasi Kumpulan Kesenian JKKN**

Ilham Minda



**Assalamualaikum dan Salam
1Malaysia...**

Selamat bertemu kembali, semoga kita tetap cekal dan tabah dalam mengharungi kehidupan seharian...

2009 akan melabuhkan tirainya dan akan membawa kisah jerih perih serta suka duka sepanjang tahun bersama...segalanya akan

menjadi kenangan kepada seluruh warga JKKN.

Sepanjang 2009, JKKN melalui Bahagian-Bahagian di Ibu Pejabat dan Jabatan di Negeri-Negeri telah berjaya melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti yang dirancangkan. Antara kejayaan pelaksanaan yang dicapai ialah penganjuran Konsert Koir Kebangsaan (27 Dis 2009), persembahan Bangsawan 'Sinbad' (11-13 Dec.2009), Pelancaran Buku Kebudayaan Malaysia – Satu Pengenalan (1 Dis 2009), Bengkel Pemantapan Kumpulan Kesenian Jabatan Negeri-Negeri (13 – 19 Nov 2009), Festival Tari Malaysia (28-31 Julai 2009), Festival Muzik Kuala Lumpur (1-5 & 10 Julai 2009), Majlis Pelancaran Kuala Lumpur Sebagai Kota Kebudayaan Islam – KLCIC (5 Mei 2009) Majlis Anugerah Seni Negara (18 Feb 2009) serta Program-Program Merakyatkan Seni (PMS) di seluruh negara. Kejayaan pelaksanaan program/aktiviti ini telah memberikan impak yang besar terutamanya kepada pencinta seni dan budaya tanah air, juga kepada masyarakat secara amnya.

Berpegang kepada prinsip bahawa kecemerlangan setiap warga adalah kunci utama bagi memastikan pencapaian visi, misi dan objektif organisasi dapat direalisasikan secara menyeluruh maka mulai pada 14 hingga 19 Disember 2009 semua Pengarah-Pengarah Negeri dan Pegawai-Pegawai Kanan dari Ibu Pejabat telah berhimpun di Impiana Cherating Resort, Negeri Pahang Darul Makmur, bagi berkongsi maklumat, pandangan, bertukar-tukar pendapat dan berbincang berkaitan tugas, tanggungjawab, kebajikan serta merumuskan kaedah dan pendekatan strategik bagi meningkatkan kualiti kerja kearah mencapai visi dan misi organisasi disamping mengukuhkan silaturahim sesama warga JKKN.

Semoga tirai 2009 ditutup dengan penuh bergaya dan penampilan 2010 akan disambut dengan semangat yang cekal dan kental agar kejayaan, kecemerlangan dan kegemilangan JKKN akan senantiasa dipuncak....

Selamat Datang 2010....

Sekian, wassallam

ZULKARNAIN BIN RAMLY

Penyelaras Editorial
Buletin JKKN

Sidang Pengarang Buletin JKKN mengalu-alukan sumbangan daripada warga JKKN dalam bentuk laporan, berita atau rencana berkaitan dengan aktiviti, persembahan dan pengurusan. Sila hantarkan artikel dan tulisan anda ke Bahagian Dokumentasi dan Penerbitan atau e-mel terus kepada editor Buletin JKKN.

HAK CIPTA TERPELIHARA

Segala bahan berupa gambar, tulisan dan ilustrasi dalam buletin ini tidak boleh disiarkan semula dalam sebarang bentuk dan sebarang cara sekalipun oleh mana – mana pihak tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

Buletin JKKN

PENGURUSAN

Dato' Norliza Rofli
Ketua Pengarah

Muhamad Razy Mohd Nor
Timbalan Ketua Pengarah I

Tn. Hj. Mod Zaky Din
Timbalan Ketua Pengarah II

SIDANG EDITORIAL

PENYELARAS EDITORIAL
Zulkarnain Ramly

SIDANG EDITOR
Rohaniza Abdullah
Muhamad Haqkam Hariri
Doria Victoria Janiur
Ismarizal Zulamran

KREATIF
Bafti Hera Abu Bakar
Mohd Asyraf Yusof

KOLEKSI GAMBAR
Ezlina Alias
Zaman Sulieman

EDITOR BERSEKUTU
Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran
Bahagian Pengembangan Seni
Bahagian Pengembangan Budaya
Bahagian Bimbingan Seni Budaya
Bahagian Pengukuhan Seni dan Budaya
Bahagian Produksi dan Teknikal
Bahagian Perancangan dan Penyelaras
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
Bahagian Pembangunan Industri Kreatif
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara,
Negeri - Negeri




PENYELARAS EDARAN
Nor Afizah Mafrodi
Hassanal Redzuan
Nik Mohd Fadly Nik Mat
Fauziah Ahmad

Diterbitkan oleh:
**JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESANIAN
NEGARA**

Kementerian Penerangan Komunikasi dan
Kebudayaan
Tingkat 21-34, Bangunan MAS,
Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur
Tel: 03-20523600
Faks : 03 – 20253726/03-21633859
Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my
E-mel: dokumentasi2008@gmail.com
Info.budaya@gmail.com

Kandungan

- 4 Seuntai Madah
- 6 Bangsawan 'Sinbad : Batu Permata Dewa' – Bangsawan Pecah Panggung 2009 !
- 8 Penerbitan CD Senam Seni 1Malaysia
- 9 Apresiasi dan Bengkel Pemantapan Ghazal Gema Suria JKKN
- 10 Kenali Tokoh : Khatijah Awang - Penerima Anugerah Seni Negara Ke-4
- 12 Bengkel Penulisan Puisi Intensif
- 13 PMS - Festival Seni Budaya 1Malaysia
- 14 Kunjungan Dato' Ketua Pengarah ke JKKN Negeri Perlis Sempena Konsert Jelajah Juara-Juara
- 15 Manifestasi Teater Negeri Kelantan Sempena Festival Teater Malaysia
- 16 Program Semarak Bangsawan - Masih Ada Yang Sayang
- 20 Sekitar Majlis Perhimpunan JKKN - Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jamuan Hari Raya Aidilfitri
- 24 Usaha JKKN Dalam Menyediakan Landasan Kepada Bintang-Bintang Program Pencarian Bakat Melalui Konsert Jelajah Juara-Juara
- 26 Bengkel Penyelidikan Pembuatan Tengkolok
- 27 Keratan Akhbar Pertandingan Akhir Mencipta Lagu Asli 2009 : 12 Komposer Bertarung
- 28 Semangat Perjuangan Gagasan 1Malaysia
- 31 Bengkel Fotografi Cetuskan "Coffee Table Book"
- 32 Bengkel Pemantapan dan Manifestasi Kumpulan Kesenian JKKN



Seuntai Madah



DATO' NORLIZA ROFLI
*Ketua Pengarah
Jabatan Kebudayaan
dan Kesenian Negara*

Sekali lagi kita mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izin Nya kita berjaya menerbitkan Buletin JKKN untuk Edisi Ke-3 bagi tahun 2009 ini. Kandungan Buletin JKKN mengandungi sumber maklumat atau rujukan yang berfaedah kepada seluruh warga kerja JKKN sama ada di Ibu Pejabat mahu pun di JKKN Negeri-Negeri. Bahan-bahan yang disiarkan dalam Buletin JKKN ini juga boleh dijadikan tatapan berguna serta dikongsi bersama dengan KPKK dan Agensi-Agensi dibawahnya tentang program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh JKKN.

Saya ingin mengingatkan kembali, sebagai sebuah agensi kerajaan adalah menjadi tanggungjawab untuk kita merealisasikan Konsep '1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' melalui transformasi menyeluruh dalam amalan perkhidmatan awam yang mengutamakan pencapaian organisasi dan pelaksanaan program padatahapyangoptima. Menjadi kewajipan JKKN di Ibu Pejabat dan di Negeri-Negeri, mengangkat visi YAB PM dan menterijemahkannya kedalam

bentuk tindakan. Justeru, JKKN perlu memberi perhatian kepada matlamat dan impak yang ingin dicapai melalui pelaksanaan pelbagai aktivitinya.

Saya amat berharap agar warga kerja JKKN menjadikan pencapaian serta kejayaan tahun 2009 sebagai dorongan dan pembakar semangat kearah prestasi lebih cemerlang ditahun-tahun akan datang. Segala kekurangan serta kelemahan perlu dijadikan landasan untuk usaha penambahbaikan.

Dari segi jumlah aktiviti dan keberadaan JKKN menerajui aktiviti seni dan budaya tanah air, terbukti tahun 2009 menunjukkan prestasi yang sangat membanggakan. Pelbagai program dan aktiviti dapat dilaksanakan malahan melebihi dari sasaran KPI (Indikator Pencapaian Utama) yang ditetapkan pada awal tahun. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada semua warga JKKN, juga kepada Badan Bukan Kerajaan dan penggiat seni yang sentiasa bersama Jabatan sehingga membolehkan JKKN menutup tirai 2009 dengan penuh jaya...!!

Buat semua warga kerja JKKN, Badan Bukan Kerajaan Seni Budaya dan penggiat seni tanah air:

RAKAN SEKERJA


*Kawan sepermainan
 Bagai kuku dengan daging
 Bagai aur dengan tebing
 Bagai jarum dengan kelindan
 Ke hulu sama ke hulu
 Ke hilir sama menghilir
 Satu sakit dua terasa
 Yang tahan asak dengan banding
 Yang tahan berpahit-pahit
 Kalau koyak tampal menampal
 Kalau condong sokong menyokong.*

Terima kasih tidak terhingga.

BIL	NEGERI	PELAKSANAAN AKTIVITI JKKN 2009 (Program Pengembangan Budaya, Pengembangan Seni, Pengukuhan Seni Budaya, Bimbingan dan Latihan, Penerbitan, Program Merakyatkan Seni Budaya, Pencungkilan Bakat, Bahasa, Perantisan dan Pembangunan Produk)					
		Bil. Disasar	Bil. Dicapai	Program Tambahan JKKN	Program KPKK/ Agensi	Program Kerajaan Negeri/ lain	Bebanan Tugas Sebenar (JUMLAH)
1	Ibu Pejabat	69	97	15	5	6	123
2	Perlis	67	67	4	10	19	100
3	Kedah	94	105	4	3	29	141
4	P.Pinang	82	96	2	2	12	112
5	Perak	100	135	3	2	23	163
6	Selangor	109	108	22	6	44	180
7	WPKL	87	93	25	25	28	171
8	N.Sembilan	127	267	13	0	6	286
9	Melaka	73	82	6	0	41	129
10	Johor	87	123	10	2	47	182
11	Pahang	103	105	4	10	45	164
12	Terengganu	64	64	4	0	45	113
13	Kelantan	60	90	2	0	8	100
14	Sabah	122	135	7	6	9	157
15	Sarawak	109	119	2	2	15	138
JUMLAH BESAR		1353	1686	123	73	377	2259

Bangsawan 'Sinbad : Batu Permata Dewa' – Bangsawan Pecah Panggung 2009 !

Oleh: EZLINA ALIAS



Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia (KPKK) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah bekerjasama mementaskan siri semarak bangsawan sejak tahun 2007 hingga kini.

Bagi pementasan yang menjadi penutup tirai Siri Semarak Bangsawan 2009 ini, JKKN telah mengambil inisiatif memetik sebuah kisah dari hikayat 1001 malam yang terkenal di timur tengah dan sinonim dengan masyarakat antarabangsa yang diterjemahkan dalam pentas bangsawan.

Lantaran itu, pementasan bangsawan pada kali ini amat berbeza dengan pementasan bangsawan terdahulu kerana buat pertama kalinya pementasan ini memaparkan kisah hikayat parsi dan bukannya hikayat melayu tetapi mempunyai unsur didaktik (pengajaran) yang baik untuk generasi muda khususnya kanak-kanak.

Melalui kisah pelayaran Sinbad ini, salah satu daripada tujuh pelayaran beliau menjadi inspirasi kepada pengarah bangsawan pada kali ini iaitu en. Rosnan Nordin yang juga bertugas sebagai ketua penolong pengarah bahagian teknikal dan produksi JKKN iaitu kisah 'Batu Permata Dewa'.

Penggunaan elemen kekaguman dalam kisah pelayaran Sinbad (lakonan A. Aris Kadir) yang sarat dengan unsur perjuangan, dramatik serta menempuh pelbagai rintangan dalam cubaan menyelamatkan batu permata dewa yang dirampas dan dibawa lari oleh Ratu Sheeba daripada Kerajaan Syarib berjaya ditonjolkan dalam lewat jalan ceritanya.

Perjalanan penuh kesukaran itu telah menemukan pelbagai marabahaya seperti kemunculan fenomena mistik dan kuasa jahat yang dijelmakan oleh Ratu Sheeba (lakonan Syafinaz Selamat) tetapi berjaya dihadapi oleh Sinbad.



PECAH PANGGUNG

Buat pertama kalinya sejak Siri Semarak Bangsawan ini diadakan, pementasan ini telah mencapai tahap 'pecah panggung' *Box-Office* lantaran kekerapan bangsawan ini yang terpaksa ditambah persembahan pada sebelah petang Ahad (13 Disember) yang lalu ke jam 3.00 petang hasil permintaan orang ramai yang berpusu-pusu mengunjungi persembahan tersebut serta tempahan bertalu-talu dari orang ramai. Meskipun kapasiti pengunjung yang boleh dimuatkan dalam Panggung Bandaraya cuma sekitar 300 orang, namun semasa pementasan ini, Panggung Bandaraya telah dilimpahi pengunjung sehinggakan pihak penganjur telah memasang skrin di ruang lobi dan menakjubkan ruang tersebut juga turut dipenuhi penonton! Statistik pengunjung pada empat (4) pementasan tersebut adalah kira-kira 1,957 orang penonton telah menyaksikan Bangsawan –Sinbad Batu Permata Dewa pada 11 hingga 13 Disember 2009 yang lalu.



PRODUKSI & PERSIAPAN

Pementasan ini melibatkan sebilangan besar kakitangan dan para pegawai hinggalah ke pengurusan tertinggi JKKM untuk menjayakan watak-watak di dalam cerita ini kecuali tiga watak utama. Para pegawai dan warga kerja JKKM berusaha menampilkan persembahan terbaik berkat usaha gigih para pengarah dan produksi berlatih secara intensif selama seminggu bagi menjayakan persembahan ini. Meski dihambat pelbagai rintangan dalam karier, namun kerjasama dan komitmen tinggi dari pelakon serta restu penerbit Dato' Norliza Rofli menjanjikan persembahan terbaik untuk penonton.



PENERBITAN CD SENAM SENI 1MALAYSIA

OLEH: NOORSEELA BINTI NOOR SULAIMAN



Senam Seni Malaysia (SSM) seterusnya melangkah setapak lagi apabila YAB Perdana Menteri Malaysia ke-6 YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak memperkenalkan gagasan baru 1Malaysia kepada rakyat Malaysia. Gerakan SSM yang telah diimprovisasi kepada 30 minit telah dinamakan Senam Seni 1Malaysia dan dijadikan antara aktiviti penting dalam gagasan 1Malaysia. Justeru ia telah pun dipraktikkan beramai-ramai semasa Majlis Pelancaran Logo 1Malaysia pada 27 Jun 2009 di Dataran Merdeka dengan penglibatan 13,000 rakyat Malaysia dari sekitar Lembah Kelang.

Senam Seni 1Malaysia merupakan produk SSM yang telah ditambah baik daripada gerakan SSM bagi tempoh 27 minit. Susunan langkah Senam Seni 1Malaysia masih dikekalkan cuma ada gerakan yang sukar dilakukan telah dipermudahkan. Gerakan Senam Seni 1Malaysia ini telah dihasilkan merangkumi gerakan dalam aspek berikut:-

- i) Memanaskan badan (Warming Up)
Regangan Awal
- ii) Aktiviti Kardiovaskular(Aerobik)
- iii) Menyejukan badan (Cooling Down)
Regangan Akhir
- iv) Gerakan Singkat (hanya dalam SSM sahaja)
– ruang rehat antara gerakan



Artis Rakaman bagi penerbitan CD Senam Seni 1Malaysia (baju merah) yang terdiri daripada Jurulatih Kecergasan JBSN dan Artis Budaya Kumpulan Kesenian JKKN Negeri yang terpilih bersama dengan Jurulatih Senam Seni Malaysia iaitu Pn. Sharifah Hanim binti Syed Mustaffa dan En. Nor Shaifulnizam bin Ramli serta pegawai projek, Puan Noor Seela Noor Sulaiman.

BIL	PERKARA	LAGU
1.	Memanaskan Badan	
	• Zapin	• Zapin Budi
	• Inang	• Joget Rentak
	• Joget	106
2.	Sesi Regangan Awal	
	• Silat	
3.	Gerakan Singkat – Joget	
		• Muzik Silat
		• Joget Malaysia
4.	Kardiovaskular(Aerobik)	
	• Inang Masri	• Hati Kama
5.	Gerakan Singkat – Joget	
		• Joget Malaysia
6.	Kardiovaskular(Aerobik)	
	• Zapin Sarah	• Zapin Hanuman
7.	Gerakan Singkat – Joget	
		• Joget Malaysia
8.	Kardiovaskular(Aerobik)	
	• Asli Sewang	• Sewang
9.	Gerakan Singkat – Joget	
		• Joget Malaysia
10.	Kardiovaskular(Aerobik)	
	• Tarian India/Cina	• Jumbalaka
11.	Gerakan Singkat – Joget	
		• Joget Malaysia
12.	Sesi Menyejukkan Badan	
	• Datun Julud	• Sape'
	• Sumazau	
	• Mengiluk	
13.	Regangan Akhir	
	• Gabungan Gerak Seni Bela Diri	• Sape'
	JUMLAH MASA	30 MINIT



Artis Rakaman sedang bersiap sedia untuk sesi rakaman gerak.

APRESIASI DAN BENGKEL PEMANTAPAN GHAZAL GEMA SURIA JKKN

OLEH: ROSLINA NOOR

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Kelantan telah menganjurkan Apresiasi dan Bengkel Pemantapan Ghazal GEMA Suria JKKN bertempat di Studio Latihan, Tingkat 1, Bangunan Yusmah, Kota Bharu, Kelantan. Majlis penutup telah disempurnakan oleh YBrs Encik Ismail bin Yusof, Pengarah JKKN Negeri Kelantan. JKKN juga berbesar hati menyalurkan bantuan sejumlah RM 20,000.00 bagi mengembangkan seni ghazal dan gambus Kelantan.

Apresiasi Ghazal telah diadakan selama 1 hari ini telah dikendalikan oleh Kumpulan Ghazal GEMA Suria JKKN. Kumpulan ini terdiri daripada 7 orang pemuzik dan 6 orang penyanyi. Lagu-lagu yang dimainkan adalah lagu-lagu ghazal rakyat Kelantan seperti Pak Ngah Balik, Seri Mersing dan Cenderawasih.

Objektif Apresiasi Ghazal ini diadakan adalah bagi meningkatkan aspirasi dan minat masyarakat terhadap lagu-lagu ghazal yang penuh dengan tatasusila yang tersendiri dan sebagai perintis ke arah sokongan pelancongan berasaskan produk budaya.



KHATIJAH AWANG (1941 – 2000)

Penerima Anugerah Seni Negara Ke-4

Primadona Mak Yong, itulah gelaran yang melambangkan kehebatan Khatijah Awang, atau lebih mesra dengan panggilan 'Mak Jah' dalam seni pentas Mak Yong. Anak keturunan Siam-Melayu ini dilahirkan pada 13 Ogos 1941 di Kampung Lubuk Kawah, Pasir Mas, Kelantan.

Allahyarhamah Khatijah Awang mula bergiat aktif dalam seni persembahan Mak Yong setelah berkahwin dengan Zakaria Abdullah iaitu putera kepada Che Kemala Che Muhammad dan Che Abdullah Awang yang merupakan seorang peran Mak Yong yang terkenal dengan gelaran Pak Lah, manakala Che Kemala merupakan primadona Mak Yong Diraja.

Ke gem il an g an Khatijah Awang mula terpancar ketika beliau berusia 29 tahun apabila dipelawa oleh Tan Sri Mubin Sheppard untuk mengadakan persembahan di Pesta Kebudayaan Asia Universiti Malaya. Sebagai langkah untuk memastikan Mak Yong terus kekal di persada seni tanahair, beliau dan suami menubuhkan kumpulan sendiri diberi nama Kumpulan Seri Temenggung (KST) bertujuan untuk melatih anak bangsa generasi baru menyintai seni Mak Yong.

Berkat kegigihan Khatijah Awang bersama KST, mereka telah membuka cawangan



di Kuala Lumpur dan mampu mengadakan persembahan ke seluruh negara, juga di luar negara seperti London, New Zealand, Kuwait, German, Paris, Amsterdam, Thailand dan lain-lain. Antara persembahan yang dipentaskan ialah cerita Mak Yong Indera Dewa, Dewa Indera di Bonn, German (1980an), Mak Yong Ramayana di Indonesia (1971), Anak Raja Tangkai Hati di Singapura (1977) The Last Mak Yong di Singapura (1955) dan Cerita Anak Raja Gondang di Singapura (1996).

Penglibatan Khatijah selama 34 tahun dalam kesenian Mak Yong bukan sahaja berjaya mengharumkan nama beliau malah mampu menaikkan taraf seni persembahan

ini setanding dengan seni persembahan teater lain. Oleh itu ketokohan Khatijah diiktiraf bukan sahaja di dalam negara malahan di luar negara. Sebagai lambang pengiktirafan tersebut khatijah telah dianugerahkan dengan pelbagai anugerah, antaranya Bintang Radio Kebangsaan (1969) Pingat Bakti Kelantan (P.B) (1972), Pingat Peringatan Malaysia (PPM) (1976), Pingat Pangkuan Negara (PPN) (1977), Anugerah Performing Arts ASEAN (1987) dan Ahli Kelantan (A.K) (1988).



Kesungguhannya memartabatkan Mak Yong ke arena antarabangsa memikat hati panel juri untuk menganugerahkan, Anugerah Seni Negara ke-4,



Keayuan Khatijah Awang semasa muda

kepada Khatijah Awang pada 10 November 1999 yang julung kalinya dianugerahkan kepada tokoh seni wanita. Khatijah Awang kembali ke rahmatullah pada 13 September 2000 setelah menabur bakti dalam meningkatkan seni persembahan Mak Yong sebagai Primadona Mak Yong yang tiada tolok bandingnya.

Oleh: Alinah Osman & Lynnderajeny Kunsiong
(Pelajar Latihan Amali – Universiti Malaysia Sabah)



Khatijah Awang bersama suaminya Zakarian Abdullah semasa muda.



Gambar kumpulan Seri Temenggung ketika awal penubuhannya.



Bengkel Penulisan Puisi Intensif

Oleh **NORAZLINA BTE. OTHMAN**

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Sembilan dengan kerjasama Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN) telah menganjurkan Bengkel Penulisan Puisi Intensif (siri 1 dan 2) pada 11 dan 30 Mei 2009 bertempat di Taman Budaya Negeri Sembilan. Seramai 20 orang peserta yang terdiri daripada para penulis telah menghadiri bengkel ini. Sebanyak empat (4) orang panel telah dijemput khas bagi memberikan bimbingan di dalam sesi bengkel ini yang mana masing-masing mempunyai kepakaran yang tinggi di dalam bidang penulisan yang diketuai oleh Puan Hajah Mahaya bt. Yasin, Ketua Satu PEN, Dato' Khalid Bongek yang merupakan Tokoh Adat Perpatih, Rozninah bt Abd. Azib merupakan Editor Dewan Sastera dan Profesor Dr. Zakaria Ali, Pensyarah Fakulti Seni dan Muzik, Universiti Perguruan Sultan Idris.

Peserta yang menghadiri bengkel ini adalah sedari usia muda iaitu 12 tahun hinggalah kepada peserta dewasa dan pesara. Bengkel ini turut disertai oleh pelajar aliran sains tulen yang memperlihatkan bakat di dalam berkarya dan boleh digilap bakat mereka. Sepanjang bengkel ini, peserta di beri pendedahan terhadap penulisan puisi dengan lebih terperinci dan diakhir bengkel ini peserta akan menghasilkan puisi untuk dimuatkan di dalam Antologi Puisi Gema Hati Serunai 10.



Beberapa orang peserta sedang mendengar modul bengkel yang disampaikan oleh YBhg Dato' Khalid Bongek



Sesi bergambar antara peserta dan urusetia

Sayembara Deklamasi Puisi Merdeka 2009 Peringkat Negeri Kelantan

Oleh: **NAZALI WAHAB**

Sayembara Deklamasi Puisi Merdeka 2009 Peringkat Negeri Kelantan telah di adakan pada 16 Mei 2009 bertempat di Dewan Putera, Kompleks Sekolah-Sekolah di Kota Bharu, Kelantan. Sayembara Deklamasi Puisi Merdeka pada kali ini antara lainnya juga bertujuan untuk mencapai matlamat kerajaan bagi memperkukuhkan serta meneguhkan perpaduan pelbagai kaum di Negeri Kelantan khususnya dan Malaysia secara amnya menerusi penyertaan dan penglibatan masyarakat dalam bidang seni pengucapan puisi serta memperkasakan semangat patriotisme dan cintakan negara dikalangan rakyat Malaysia dari pelbagai kaum serta lapisan umur. Di samping itu jua, program ini telah berjaya memupuk minat yang mendalam terhadap generasi muda untuk terus memartabatkan nilai-nilai sastera. Majlis Perasmian



dan penyampaian cenderamata kepada pemenang-pemenang pertandingan telah disempurnakan oleh YBrs Encik Ismail bin Yusof, Pengarah JKKN Negeri Kelantan. Johan pertandingan pada kali ini adalah Siti Nurzafran bt Zainal Abidin bagi kategori Sajak Terbuka, Wee Vii Vian bagi Kategori Pertandingan Sajak SMJK dan Che Siti Zubaidah Bt Che Mahmood bagi kategori terbuka pertandingan Syair.

PMS : FESTIVAL SENI BUDAYA 1MALAYSIA

OLEH: HASMIRA HASHIM

Sepanjang tahun 2009 terdapat 14 Program Merakyat Seni dan Budaya (PMS) telah direalisasikan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Perlis, termasuklah PMS : Festival Seni Budaya 1Malaysia. Program ini merupakan kemuncak kepada aktiviti PMS Jabatan sepanjang tahun 2009 yang berlangsung di Laman Hotel Brasmana, Kuala Perlis pada 5 Disember 2009 (Sabtu).

Program ini adalah salah satu aktiviti seni budaya yang melibatkan penyertaan pelbagai kaum yang berteraskan konsep 1Malaysia. Warga negeri Perlis pada malam itu telah dihiburkan dengan persembahan pegendangan Melayu, Cina dan India, seterusnya diselitkan juga dengan persembahan kebudayaan pelbagai kaum, deklamasi sajak, joget 1Malaysia dan Wayang Kulit Sri Asun.

Program tersebut turut mendapat sambutan yang baik daripada pengunjung dan Pelancong yang singgah ke negeri Perlis sempena pameran LIMA '09 di Langkawi. Selain daripada itu, JKKN Negeri Perlis boleh menarik nafas lega kerana objektif Festival Seni Budaya 1Malaysia tersebut terlaksana dengan jayanya apabila kehadiran masyarakat pelbagai kaum amat menggalakkan pada malam itu.



Kunjungan Dato' Ketua Pengarah ke JKKN Negeri Perlis Sempena Konsert Jelajah Juara-Juara



Konsert Jelajah Juara-Juara JKKN 2009 telah pun berlangsung dengan jayanya pada 22 November 2009 (Ahad), bertempat di Auditorium JKKN Negeri Perlis . Majlis diserikan dengan kehadiran YBhg Dato' Norliza Rofli Ketua Pengarah JKKN dan kehadiran beberapa orang tetamu kehormat negeri Perlis yang lain iaitu SPEAKER DUN dan EXCO Kerajaan Negeri Perlis.

Konsert Jelajah Juara-Juara JKKN ini diadakan adalah merupakan kesinambungan daripada program-program pencarian bakat yang dilaksanakan oleh bahagian Pengembangan Seni JKKN. Program pencarian bakat ini merupakan landasan bagi bakat-bakat muda untuk mengembangkan sayap mereka ke peringkat yang lebih tinggi dan mempromosikan bakat tersebut. Manakala pelaksanaan ini menjadi medium kepada juara dan finalis memperlihatkan bakat dan kemampuan mereka kepada khalayak seluruh Malaysia.

Majlis diserikan dengan persembahan bertenaga oleh bakat – bakat baru hasil daripada program pencarian bakat JKKN iaitu Lim Fheng Fheng dan Leftenan Kolonel Mohd Radzi bin Abd Hamid dalam persembahan sajak, Mohd Faizal bin Jamil dengan syair yang memukau, pemenang Bintang Asli Remaja Kebangsaan 2009 Zaharmirzuan Azlan dan

Noor Azmira Mohd Rahim, dan Artis jemputan yang turut terlibat pada malam itu ialah Haziq dan Fiq. Disamping itu, antara persembahan yang mendapat sambutan adalah persembahan lakonan gabungan Kumpulan Akrab iaitu pemenang tempat ke - 3 Festival teater Malaysia 2008 bersama - sama Yus Raja Lawak, tarian daripada Kumpulan Kesenian JKKN Negeri Perlis dan Kedah serta Kumpulan Tunas Budaya JKKN Negeri Perlis.

Jelajah Juara-Juara pada malam itu lebih memberi fokus kepada konsep 1Malaysia dimana pelbagai campuran elemen muzik, teater, puisi dan tari telah dipersembahkan kepada penonton.





Penyampaian hadiah oleh YB Datuk Paduka Nozula Mat Diah yang diiringi oleh YBrs En. Ismail bin Yusof, Pengarah JKKN Negeri Kelantan

MANIFESTASI TEATER NEGERI KELANTAN SEMPENA FESTIVAL TEATER MALAYSIA

OLEH: NORMALINI BT. SUDIN

Pada 24 hingga 29 Julai 2009, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Kelantan telah mengadakan Manifestasi Teater Negeri Sempena Festival Teater Malaysia bertempat di Gelanggang Seni, Kota Bharu, Kelantan. Sebanyak 6 buah kumpulan teater yang terdiri daripada 4 buah kumpulan Badan Bukan Kerajaan (BBK) dan 2 buah sekolah bagi kategori kanak-kanak telah memasuki pertandingan tersebut. Kategori sekolah rendah yang julung kali diadakan pada tahun ini, hanya terbuka kepada sekolah – sekolah di bawah Program Bimbingan Seni Budaya (PBSB) anjuran Jabatan sahaja yang dibenarkan masuk bertanding.

Selama 6 malam berturut – turut diadakan pertandingan tersebut yang dihakimi oleh En. Khalid Salleh sebagai Ketua Panel, Dr. Randes Ghazali, veteran teater dari Negeri Kelantan dan En. Othman Zainuddin dari Setiausaha Kerja MKN Terengganu.

Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah telah disempurnakan oleh YB Datuk Paduka Nozula Mat Diah, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paloh Merangkap Pengerusi Badan Kesenian Negeri Kelantan pada 29 Julai 2009. Bagi kategori BBK/IPTA, Johan dimenangi oleh Kumpulan ASPEK yang memang sudah sinonim dengan teater di Kelantan, Naib Johan COME PUNK Production dari UiTM, manakala tempat ketiga pula oleh GEMA dan saguhati oleh Kumpulan Teater WARNA. Bagi kategori kanak – kanak pula, dimenangi oleh Sekolah Kebangsaan Merbau dan diikuti Sekolah Kebangsaan Sultan Ibrahim 2 & 4.

Kemenangan kumpulan ASPEK dan Sekolah Kebangsaan Merbau telah melayakkan mereka untuk ke peringkat seterusnya yang telah diadakan pada 21 dan 22 November bertempat di Gelanggang Seni, Kota Bharu, Kelantan. bertanding

Program Semarak Bangsawan - Masih Ada Yang Sayang....

OLEH : DATO' NORLIZA ROFLI & ABD. RASHID ABDULLAH

LATAR BELAKANG BANGSAWAN

Asal mula bangsawan sebenarnya bukanlah di Malaysia, sebaliknya bangsawan lahir daripada teater bergerak di India. Dalam tahun 1870-an, Pulau Pinang telah menerima pengaruh pementasan teater bergerak berkenaan bernama Wayang Parsi atau Mendu. Kumpulan ini melakonkan cerita-cerita dalam Bahasa Hindi oleh pelakon lelaki dan wanita yang didatangkan dari India. Repertoire cerita berkisar tentang percintaan dan pengembaraan golongan dewa-dewa. Bahasa Melayu mula digunakan didalam persembahan bangsawan apabila ramai pelakon dan pekerja berkahwin dengan penduduk tempatan. Proses ini menghasilkan golongan India Melayu yang pada mulanya dikenali sebagai Jawi Pekan.

Sekitar tahun 1884, Wayang Parsi mula diambilalih oleh kalangan Jawi Pekan tempatan khususnya tokoh yang bernama Mohamed Pusi. Peralatan wayang diperbaiki dan barisan pelakon baru dikenalpasti untuk menggantikan pelakon lama. Mohamed Pusi mula memperdagangkan Wayang Parsi dengan nama baru, Wayang Bangsawan, dan nama kumpulan bangsawan yang pertama ialah Pusi Indera Bangsawan of Penang. Kumpulan ini mula bergiat pada tahun 1885 dengan barisan pelakon yang menggunakan Bahasa Melayu. Kumpulan ini amat aktif dan bergerak ke seluruh tanah air hingga ke Sumatera. Wayang itu kemudian diperniagakan kepada seorang pengusaha bernama Jaafar The Turk.

Sementara itu, bangsawan sebagai satu persembahan pentas tidak hanya lagi dimonopoli oleh pengasasnya Mohamed Pusi. Beberapa kumpulan lain juga telah ditubuhkan oleh pengusaha-pengusaha lain yang melihat bahawa bentuk teater bangsawan boleh memberi keuntungan. Proses perkembangan bangsawan terus menerus berlaku dalam tangan pengusaha dan penggiatnya. Sesuai dengan pengaruh pendidikan sekular dari barat dan pengaruh kesenian ala barat, bangsawan turut dikenali sebagai opera Melayu. Pada ketika kegemilangan Bangsawan atau Opera, setiap negeri mempunyai pusat untuk tujuan pementasan bangsawan. Di Kuala Lumpur, pusat pementasan ialah di tapak yang kini terdirinya Sungei Wang Plaza. Tapak berkenaan dahulunya diberi nama Happy World yang merupakan pusat pementasan Bangsawan. Diantara kumpulan yang telah mengadakan persembahan di tempat berkenaan, mahupun yang bergiat aktif diseluruh negara termasuklah Nahar Bangsawan Malayan Opera, Kinta Opera, Indera Bangsawan of Penang, City Opera, Peninsular Opera, Seri Permata Opera, Jaya Opera, Zanzibar Bangsawan, Dean Union Opera, Rose Opera, Gray Noran Opera, Indera Permata of Selangor, Constantinople Opera, Rahman Opera, Kencana Wati Opera, Bangsawan Jenaka Melayu dan Bolero Opera.



USAHA PEMULIHARAAN

Pada tahun 1987 hingga 1989, Bahagian Kebudayaan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia (ketika itu) mula melaksanakan program Manifestasi Bangsawan setelah bangsawan mula pudar dari persada seni budaya tanahair. Program lima (5) tahun pemulihan dan pembangunan Bangsawan dijadikan ruang untuk penggiat dan peminat bangsawan bertemu dan mengadakan pementasan.

Pada pertengahan 2000, sebagai langkah untuk terus memelihara, memulihara dan memartabatkan kembali seni bangsawan, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) mula merancang strategi jangka panjang untuk memastikan teater bangsawan terus bersemarak. Usaha ini mendapat suntikan baru apabila Kerajaan Malaysia bersetuju menjadikan Panggung Bandaraya Kuala Lumpur sebagai pusat persembahan Bangsawan negara sebagai salah satu pengisian penting untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat seni dan budaya antarabangsa.

PROGRAM SEMARAK BANGSAWAN

Diterajui YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ketika itu, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mula melaksanakan Program Semarak Bangsawan pada tahun 2007. Program Semarak Bangsawan merupakan aktiviti pementasan Bangsawan pada setiap hujung minggu kedua setiap bulan (kecuali bulan Januari dan bulan Ramadhan). JKKN memikul tanggungjawab mengenalpasti kumpulan-kumpulan berwibawa yang mampu membuat pementasan Bangsawan dan setiap kumpulan terpilih diberi bantuan dana sebanyak RM50,000 (Ringgit: Lima puluh ribu). DBKL menyediakan ruang Panggung Bandaraya yang boleh memuatkan 300 penonton, besertakan kemudahan sedia ada kepada kumpulan-kumpulan yang terpilih membuat pementasan bangsawan. Persediaan oleh kumpulan-kumpulan turut dipantau oleh JKKN dan JKKN Negeri-negeri terlibat.




Photo by Ezlina Marketing & Promotions JKKN



Setelah tiga tahun usaha JKKN melaksanakan program Semarak Bangsawan, program ini mula mendapat sambutan yang amat baik. Diperingkat awal, sukar untuk mencari kumpulan yang mampu membuat pementasan Bangsawan. Pementasan yang dipertontonkan juga masih perlu banyak penambahbaikan sementara penonton pula perlu dibawa dari sekolah dan Institusi pengajian tinggi kerana khalayak yang datang sendiri amat berkurangan. Namun, senarionya amat berbeza menjelang 2009. Kerana Semarak Bangsawan merupakan program tetap JKKN dan DBKL, kumpulan berminat dari seluruh Malaysia mula membuat persediaan dari awal. Khalayak penonton jua kian berkembang, bukan sahaja dari Lembah Kelang, dari negeri-negeri lain. Tidak kurang rombongan pelajar yang dibawa guru-guru untuk menonton Bangsawan sebagai sebahagian pengisian ko-kurikulum.

Hasil dari kaji selidik yang dijalankan oleh JKKN sepanjang 2008 dan 2009, sebahagian besar penonton sangat berpuas hati dengan program Semarak Bangsawan anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Rata-rata penonton mengharapkan agar program ini dilaksanakan secara tetap sebagai strategi jangka panjang untuk memelihara teater Bangsawan.

PEMENTASAN YANG TELAH DIADAKAN DI BAWAH

2007

BIL	TARIKH	MASA	JUDUL	KUMPULAN	KHALAYAK
1	09.02.2007 – 11.02.2007	8.30 malam	Laksamana Bentan	Akademi Seni, Budaya dan Warisan (ASWARA)	910 Orang
2	09.02.2007 – 11.02.2007	8.30 malam	Tun Perak	Kumpulan Bangsawan Seri Negeri Perak	620 Orang
3	13.04.2007 – 15.04.2007	8.30 malam	Laila Majnun	Kumpulan Bangsawan Nilam Sari, Istana Budaya	590 Orang
4	11.05.2007 – 14.05.2007	8.30 malam	Menjunjung Duli	ASWARA & Kumpulan Bangsawan Bintang Timur	1205 Orang
5	08.06.2007 – 10.06.2007	8.30 malam	Sumpah Dan Darah Di Teluk Amboi	KUMPULAN BANGSAWAN SERI	419 Orang
6	13.07.2007 – 15.07.2007	8.30 malam	Bakawali	Kumpulan Bangsawan Sri USM	1009 Orang
7	10.08.2007 – 12.08.2007	8.30 malam	Lipo	Kumpulan Bangsawan Pusat Pengajian Melayu	957 Orang
8	07.09.2007 – 09.09.2007	8.30 malam	Senja Merah Di Belukar Sambang	Badan Bangsawan Negeri Perak Darul Ridzuan	724 Orang
9	08.11.2007 – 10.11.2007	8.30 malam	Lela Manja	Rumpun Seni Dan Teater Shah Alam (RESAM)	1236 Orang
10	14.12.2007 – 16.12.2007	8.30 malam	...Yang Berdarah	Kumpulan Bangsawan Nilam Sari, Istana Budaya	663 Orang
10 PEMENTASAN				10 kumpulan	8,333 Orang

2008

BIL	TARIKH	MASA	JUDUL	KUMPULAN	KHALAYAK
1	11.04.2008 – 13.04.2008	8.30 malam	Raden Galoh	ASWARA	1470 Orang
2	16.05.2008 – 18.05.2008	8.30 malam	Jula Juli Bintang Tiga	Persatuan Seni Bangsawan Bintang	1200 Orang
3	06.06.2008 – 08.06.2008	8.30 malam	Bahtera Emas Lapis Suasa	Kumpulan Bangsawan Seri Kedah	970 Orang
4	11.07.2008 – 13.07.2008	8.30 malam	Raja Bersiong	Karyawan Negeri Sembilan	720 Orang
5	08.08.2008 – 10.08.2008	8.30 malam	Tok Arau	Majlis Kebudayaan Negeri Perlis	770 Orang
6	17.10.2008 – 19.10.2008	8.30 malam	Nujum Pak Belalang	Rumpun Seni & Teater Shah Alam (Resam)	1360 Orang
7	07.11.2008 – 09.11.2008	8.30 malam	Batu Belah Batu Bertangkup	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	1430 Orang
8	12.12.2008 – 13.12.2008	8.30 malam	Musang Berjanggut	JKKN Ibu Pejabat	1620 Orang
8 PEMENTASAN				8 kumpulan	9,540 Orang

PROGRAM SEMARAK BANGSAWAN 2007 – 2009

2009

BIL	TARIKH	MASA	JUDUL	KUMPULAN	KHALAYAK
1	13.02.2009 – 15.02.2009	8.30 malam	Puteri Sakdung	Kelab Bangsawan Warisan Budiman UPSI	640 Orang
2	13.03.2009 – 15.03.2009	8.30 malam	Laksamana Cheng Ho	Persatuan Seni Bangsawan Bintang Timur Kuala	910 Orang
3	10.04.2009 – 12.04.2009	8.30 malam	Semerah Padi	Rumpun Seni Dan Teater Shah Alam (RESAM)	1270 Orang
4	15.05.2009 – 17.05.2009	8.30 malam	Delima Mustika Sakti	JKKN Negeri Johor	760 Orang
5	12.06.2009 – 14.06.2009	8.30 malam	Paglira Indera Kayangan	Kumpulan Sri Bangsawan Indera Kayangan	790 Orang
6	10.07.2009 – 12.07.2009	8.30 malam	Haris Fadilah	ASWARA	1580 Orang
7	07.08.2009 – 09.08.2009	8.30 malam	Tun Mamat Dan Mimpi Tuanku	Istana Budaya	1820 Orang
8	09.10.2009 -11.10.2009	8.30 malam	Mahsuri	Kumpulan Bangsawan Seri Bangsawan	880 Orang
9	13.11.2009 -15.11.2009	8.30 malam	Bawang Putih Bawang Merah	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	1492 Orang
10	11.12.2009 – 13.12.2009	8.30 malam	Sinbad	JKKN Ibu Pejabat	1957 Orang
10 PEMENTASAN				10 kumpulan	12,099 Orang



Sekitar Majlis Perhimpunan Bulanan JKKN

*Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan
Jamuan Hari Raya Aidilfitri
15 Oktober 2009*



SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2008 JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA (JKKN)



Nama : Tn. Hj. Zaini Nyak
Othman
Jawatan : Peg. Kebudayaan
Gred B48
Alamat : JKKN Ibu Pejabat



Nama : En. Abd. Hamid Hj.
Muhamad
Jawatan : Peg. Kebudayaan
Gred B48
Alamat : JKKN Negeri Johor



Nama : En. Che Kasim
Mahmud
Jawatan : Peg. Kebudayaan
Gred B48
Alamat : JKKN Negeri Kedah



Nama : En. Mohd Amran—
Mohd Haris
Jawatan : Peg. Kebudayaan
Gred B44
Alamat : JKKN Ibu Pejabat



Nama : Pn. Hidayatul'Ein
Mohd Azmi
Jawatan : Peg. Kebudayaan
Gred B44
Alamat : JKKN Ibu Pejabat



Nama : En. Ismail Hamdan
Jawatan : Peg. Kebudayaan Gred
B32
Alamat : JKKN Negeri Selangor



Nama : Pn. Norazlina
Othman
Jawatan : Peg. Kebudayaan
Gred B27
Alamat : JKKN Neg. Sembilan



Nama : Pn. Umi Abdullah
Jawatan : Peg. Kebudayaan Gred
B27
Alamat : JKKN Negeri Pahang



Nama : En. Mohamad Husri
Morni
Jawatan : Peg. Kebudayaan
Gred B27
Alamat : JKKN Negeri Sabah



Nama : En. Shahidin Che
Mud
Jawatan : Pemb. Tadbir Gred
N22
Alamat : JKKN Ibu Pejabat



Nama : Cik Sarita a/p
Vellasamy
Jawatan : Pemb. Tadbir Gred
N17
Alamat : JKKN Ibu Pejabat



Nama : Pn. Norhafizah
Zainuddin
Jawatan : Pemb. Tadbir Gred
N17
Alamat : JKKN Ibu Pejabat



Nama : Pn. Mariam
Sukarino
Jawatan : Pemb. Tadbir (Kew)
Gred W17
Alamat : JKKN Ibu Pejabat



Nama : Pn. Fauziah Ahmad
Jawatan : Pemb. Perpustakaan
Gred S17
Alamat : JKKN Ibu Pejabat



Nama : En. Mohd Hezri
Hadlis
Jawatan : Pemb. Tadbir Gred
N17
Alamat : JKKN WP
Kuala Lumpur



Nama : Cik Nor Aznina
Mohd Zin
Jawatan : Artis Budaya Gred
B17 (K)
Alamat : JKKN Negeri Johor




Nama : En. Veera Masura
Jawatan : Artis Budaya Gred
B17 (K)
Alamat : JKKN Pulau Pinang



Nama : En. Sumaisi Ari
Jawatan : Artis Budaya Gred
B17 (K)
Alamat : JKKN Negeri Perak



Nama : En. Mohd Nor
Azman A. Fadzil
Jawatan : Pemandu Gred R3
Alamat : JKKN Pahang



Nama : En. Hamzah Haroon
Jawatan : Pemandu Gred R3
Alamat : JKKN Negeri Perlis



Nama : En. Abd. Rahim
Mustapha
Jawatan : Pemandu Gred R3
Alamat : JKKN
Negeri Terengganu



Nama : En. Roslee Pardanah
Jawatan : Pemandu Gred R3
Alamat : JKKN Negeri Sabah



Nama : En. Ismail Hj Nahar
Jawatan : Pemandu Gred R3
Alamat : JKKN
Negeri Sarawak



Nama : En. Pakarruzi
Abdullah
Jawatan : Pemb. Am Pejabat
Gred N1
Alamat : JKKN Ibu Pejabat



Nama : En. Mohd Isa Maarof
Jawatan : Pemb. Rendah Awam
Gred R1
Alamat : JKKN Negeri Melaka

USAHA JKKN DALAM MENYE BINTANG-BINTANG PROGRAM KONSERT JELAJAH

OLEH: EZI

Konsert Jelajah Juara-Juara merupakan kesinambungan daripada program-program pencarian bakat yang dilaksanakan oleh Bahagian Pengembangan Seni JKKN. Program pencarian bakat JKKN ini merupakan platform bagi bakat-bakat muda untuk mengembangkan sayap mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, JKKN menyedari bahawa juara-juara dan finalis program pencarian bakat JKKN ini kurang menyerlah dan dikenali ramai kerana kurangnya promosi bagi mengetengahkan bakat yang mereka. Pelaksanaan program jelajah ini dijadikan medium untuk mempromosikan juara dan finalis untuk memperlihatkan bakat dan kemampuan mereka kepada khalayak di seluruh Malaysia.

Konsert Jelajah Juara-juara (KJJJ) ini berkonsep penyemarakkan seni menerusi irama dan lagu turut memuatkan beberapa segmen. Antaranya adalah segmen Mengenang Allahyarham Tan Sri P. Ramlee yang mengetengahkan nyanyian lagu-lagu petikan dari filem dan ciptaan Allahyarham yang akan didendangkan oleh Tahiruddin Hj. Sain (Johan Kategori P.Ramlee, Pertandingan Idola P.Ramlee 2007), Segmen Patriotisme pula akan menampilkan deklamasi sajak, puisi dan dendangan syair serta nyanyian lagu asli yang menurus kepada nilai patriotik menerusi Johan Sayembara Deklamasi Puisi dan Syair. Antaranya ialah Mohd Faizal Jamil (Johan Kategori Syair Sayembara Deklamasi Merdeka 2009, Lt. Kol. Mohd Radzi Abd Hamid (Johan Deklamasi Sajak, Sayembara Deklamasi Puisi 2009) dan nyanyian lagu asli – 'Laksamana Mati Di Bunuh' oleh Noor Azmira Mohd. Rahim; Johan Kategori Wanita, Bintang Asli Remaja 2009.

Manakala Segmen seterusnya iaitu Segmen 1Malaysia akan menampilkan persembahan nyanyian dan deklamasi puisi oleh Visvanathan Singh (Anugerah Khas Juri, Bintang Irama Malaysia 2008) dan Lim Feng Feng (Johan Kategori Sajak Terbuka, Sayembara Deklamasi Puisi Merdeka 2008).




DIKAWALAU LANDASAN KEPADA PENCARIAN BAKAT MELALUI H JUARA-JUARA

NA ALIAS

Selain dihimpunkan dalam satu konsert yang menggabungkan bintang-bintang dari bidang seni suara, puisi dan kecemerlangan lakon ditonjolkan melalui persembahan lakonan oleh Raja Lawak – Yusry Edoe yang juga bekas aktivis teater dan pemenang pelakon Teater (Lelaki) Terbaik tahun 2006 bergandingan dengan kumpulan teater AKRAB. Turut serta dalam Konsert Jelajah ini juga adalah persembahan artis jemputan Fiq (Juara Mentor) serta Haziq AF4. Delegasi Konsert Jelajah Juara-juara ini turut melaksanakan kerja-kerja komuniti dan amal kepada mangsa Pusat Pemindahan Banjir di Anak Bukit, Alor Setar, Kedah pada 21 November 2009.

Usaha JKKN dalam program Pencungkilan Bakat ini turut menasaskan pembentukan artis bukan sahaja dalam bidang seni suara dan lain-lain tetapi menonjolkan semangat 1Malaysia dengan turut menyetengahkan Bintang-bintang dari pelbagai kaum yang sangat kental dengan minat terhadap lagu, lenggok serta budaya Malaysia. Visvanathan Singh (Anugerah Khas Juri, Bintang Irama Malaysia 2008) dan Lim Feng Feng (Johan Kategori Sajak Terbuka, Sayembara Deklamasi Puisi Merdeka 2008) merupakan nuansa baru jiwa 1Malaysia di kalangan generasi muda Malaysia. Selaras dengan misi JKKN dalam menyemarakkan seni budaya serta meningkatkan pemahaman dan penghayatan seni budaya ke arah perpaduan kaum. Kunjungan delegasi konsert ini ke Anak Bukit Alor Setar juga menguatkan usaha JKKN dan Kementerian amnya dalam mendekati para penggiat seni ini dengan masyarakat. Sambutan ke atas setiap persembahan JKKN yang amat menggalakkan ini dapat mempromosikan senibudaya 1Malaysia sehingga ke peringkat akar umbi.



Bengkel Penyelidikan Pembuatan Tengkolok 2009

DISEDIAKAN OLEH : NORLELAH BINTI ABDUL KARIM

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) telah menganjurkan Bengkel Penyelidikan Pembuatan Tengkolok pada 28 hingga 31 Oktober 2009 bertempat di Hotel Kuala Lumpur International. Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil ini telah disempurnakan oleh YBrs Encik Mohd Razy Mohd Nor Timbalan Ketua Pengarah I JKKN.

Pelaksanaan bengkel ini bagi memantapkan pegawai khususnya Pegawai Kebudayaan di peringkat Ibu pejabat dan Negeri dalam aspek pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan bersesuaian di dalam usaha menjadikan jabatan ini sebagai pusat sumber seni budaya. Di samping itu, membimbing dan mendedahkan Pegawai Kebudayaan dalam tugas penyelidikan selain berkongsi ilmu dan menjalinkan kerjasama di kalangan pegawai Ibu pejabat JKKN dan JKKN Negeri.

Bengkel ini telah dihadiri seramai 44 orang peserta di kalangan Pegawai Kebudayaan Ibu pejabat JKKN dan JKKN Negeri, Pegawai Penerangan, Pegawai Warisan, Pereka, Artis Budaya, Kurator, pensyarah di Agensi/Jabatan KPKK, Muzium Negeri dan Institut Pengajian Tinggi di Malaysia. Dengan penganjuran bengkel ini telah melahirkan tenaga penyelidik yang berpengetahuan dan berkemahiran serta berpeluang untuk mengkaji dan pengumpulan maklumat berkaitan tengkolok di Negeri Sembilan, Perak dan Selangor.

Sepanjang 4 hari bengkel ini dijalankan, para peserta diberikan penekanan kepada ceramah asas dan kaedah penyelidikan oleh Puan Rosidah Abdullah dan Puan Zubaidah binti Sual. Bagi sudut demonstrasi pula memfokuskan kepada pembuatan tengkolok Negeri Sembilan, Perak dan Selangor oleh responden iaitu Tuan Haji Md Isa bin Md Ali, Encik Kasman bin Haji Yahya dan Encik Ady Ezwan bin Nordin. Para peserta turut diberikan tugas menyediakan dan membentangkan hasil laporan tersebut. Kesimpulannya, bengkel ini telah mendapat respon yang baik di kalangan para peserta tentang bidang penyelidikan seni dan budaya bagi tahun 2009.



PERTANDINGAN AKHIR MENCIPTA LAGU ASLI 2009 12 KOMPOSER BERTARUNG

OLEH: WAN ASRUDI WAN HASAN / WANASR@HMETRO.COM
AKHBAR: HARIAN METRO

Lagu Melayu Asli memang kaya dengan nilai estetika seni apatah lagi apabila dialunkan suara lunak yang mengasyikkan. Kurangnya penghasilan lagu baru daripada komposer tanah air ternyata membimbangkan banyak pihak, tidak terkecuali Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN). Justeru, buat julung kalinya JKKN mengambil inisiatif menganjurkan Pertandingan Akhir Mencipta Lagu Asli pada 8 November 2009 di Auditorium Perdana Angkasapuri.

Ketua Pengarah JKKN, Dato' Norliza Rofli berkata, penganjuran pertandingan ini adalah pertama kali dilaksanakan selepas Bintang Asli Remaja Kebangsaan dan Bintang Irama Malaysia yang diadakan hampir setiap tahun sejak tahun 2006.

"Pertandingan ini sebagai landasan untuk mempopularkan lagu asli. Menerusi penganjuran beberapa pertandingan membabitkan lagu asli sebelum ini kami dapati hampir semua peserta menyampaikan lagu yang sama. Fenomena ini satu pengembangan yang kurang baik untuk lagu – lagu seperti ini. Pertandingan ini secara tidak langsung dapat menggalakkan penghasilan lagu asli.

"Di samping memperkembangkan khazanah lagu asli. JKKN juga berharap dapat menarik pembabitan besar generasi muda. Selain menekankan serta memartabatkan bahasa kebangsaan kerana setiap lagu Melayu Asli mempunyai lirik yang cukup puitis. JKKN juga cuba menarik pembabitan komposer bukan Melayu supaya dapat menepis tanggapan lagu asli bukan hanya dinyanyikan dan dihasilkan oleh masyarakat Melayu sahaja.

"Lebih 90 penyertaan diterima sejak pertandingan ini dibuka penyertaannya. Begitupun hanya 26 komposer berjaya melangkah ke pusingan seterusnya sehingga 12 kelompok peserta terakhir dikenal pasti. Biarpun pertandingan hanya akan menentukan tiga lagu terbaik namun semua lagu sudah mencatat sejarah tersendiri selain berpeluang dipromosikan di seluruh radio stesen tempatan.

"Konsep pertandingan yang diterapkan mengikut irama masa kini pasti menyuntik semangat peserta yang bersaing. Pertandingan ini juga bakal dimeriahkan dengan persembahan artis – artis bukan Melayu yang akan menyampaikan beberapa lagu asli"

TASHA JUARA SULUNG MENCIPTA LAGU ASLI

Merangkul gelaran juara sulung pada Pertandingan Mencipta Lagu Asli 2009 malam Ahad lalu, sememangnya cukup mengejutkan Nurnatasha Shazlia Rosli. Masakan tidak, dia merupakan satu-satunya peserta wanita dan yang paling muda menyertai pertandingan itu berjaya menewaskan komposer yang lebih dulu mencipta nama termasuk bapanya sendiri, Rosli Md. Kasa atau lebih popular dengan nama pena Rosli Selasih.

Dengan gelaran juara itu, Nurnatasha berjaya membawa pulang hadiah berupa wang tunai sebanyak RM10,000, piala pusingan YB Menteri KPPK, piala iringan



NURNATASHA (dua dari kiri) terharu dan terkejut dengan kemenangannya sewaktu menerima hadiah daripada Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim sambil diperhatikan isterinya, Datin Seri Masnah Rais (kanan) dan Dato' Norliza Rofli (kiri).

serta sijil penyertaan Hadiah utama telah disampaikan oleh Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim dan Datin Seri Masnah Rais.

Kehadiran komposer muda khususnya dari kaum Hawa seperti Tasha merupakan satu perkembangan yang cukup sihat untuk terus memelihara khazanah bangsa ini. Kesemua peserta telah diadili 100 peratus oleh juri-juri profesional iaitu Andre Goh, Habsah Hassan, Yusrizan Usop atau Bob AF2 serta Datuk Johari Salleh selaku ketua juri

JALINAN KASIH

Putuslah benang
Ya benang
Bersulam tiada

Tali pengikat pengikat
Mudahlah bersimpul

Jika di kenang
Di kenang
Tiada gunanya

Putus ditengah
Putus ditengah
Bersambunglah juga

Sembar benang
Sembar benang
Menjadi kain

Darilah kain
Darilah kain
Menjadi selendang

Lirik & Lagu : Nurnatasha Shazlia Rosli

Penyanyi : Azizzul Haqim Md Anuwar & Norhasmidar Ahmad



1Malaysia bertujuan memperkukuhkan hubungan dan kerjasama antara rakyat pelbagai kaum di negara ini sebagai senjata utama untuk menghadapi pelbagai ancaman dan cabaran.

Dalam mengharungi pengalaman pahit maung kehidupan bernegara dan berbangsa dalam konteks sebuah negara bangsa, tahun 2010 membuka lembaran sesungguhnya Malaysia kini telah menjangkau 53 tahun Merdeka. Sejarah Malaysia yang menjela panjang ditelusuri sejak zaman pra-sejarah lagi, dengan mengharungi pelbagai tsunami perubahan zaman sejak dari zaman pengaruh Hindu-Budha di Asia Tenggara kepada terdirinya Kerajaan Melayu Melaka, pengalaman zaman penjajahan Barat dan nikmat kemakmuran dari hasil kemerdekaan. Cabaran arus globalisasi dan liberalisasi di bidang sosial, kebudayaan, ekonomi dan politik dunia turut mengundang Malaysia untuk turut sama-sama menghadapinya.

Dalam hal tersebut kemerdekaan negara membawa dua erti yang sungguh bermakna. Pertama, usaha-usaha membangunkan negara dari sudut kemajuan berbentuk fizikal dengan kemakmuran ekonomi demi kesejahteraan segenap lapisan rakyatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum dan suku bangsa dan yang kedua, usaha-usaha membina bangsa dalam erti kata membina semangat, citra kebudayaan, keperibadian kebangsaan, nilai-nilai sosial, jati diri serta keseimbangan antara kemajuan fizikal dengan nilai kerohanian dan kemanusiaan.

Justeru pembangunan negara itu lebih tertumpu kepada pembangunan jasmaniah dan membina bangsa yang lebih kepada pembangunan rohaniah yang perlu diseimbangkan antara aspek pembangunan fizikal dengan spiritual. Ini termasuklah pembangunan modal insan cemerlang dengan kelahiran satu bangsa yang lebih berdaya tahan, berdaya saing, masyarakatnya yang aman, tangkas, maju, berilmu, selamat dan makmur dalam kestabilan daya juang politik negara demi mencapai matlamat utamanya perpaduan dan kesatuan.

Idea bernas inilah yang cuba diutarakan

oleh Dato' Haji A. Aziz Deraman Mantan Ketua Pengarah DBP/Mantan Ketua Pengarah Kebudayaan dalam pembentangan Kertas Kerja Kulian Budaya di Bangunan MAS, Kuala Lumpur pada 3 November 2009 lalu, dengan judul "PEMBINAAN NEGARA BANGSA DAN PENERAPAN GAGASAN 1MALAYSIA".

Dalam menyedarkan khalayak yang kian terlena khususnya generasi pelapis Negara Bangsa, beliau turut menekankan bahawa YAB Dato' Sri Mohd Najib mengemukakan 'Gagasan Satu Malaysia' atau 1Malaysia. Apakah gagasan baru ini merupakan kesinambungan satu perjuangan, retorik politik,



Konsep 1Malaysia membawa aspirasi untuk memperkukuhkan hubungan kaum bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menjalin perpaduan yang erat.

substantif, dan relevan? Apa yang pasti bahawa kita perlu menerjemahkannya ke dalam kenyataan kehidupan kebangsaan dalam konteks kita berbangsa dan bernegara itu. Apakah kefahaman rakyat menyeluruh tentang makna gagasan itu dari segi konsep, slogan dan formulanya yang mungkin membawa ciri-ciri tersendiri atau dibiarkan bebas ditafsirkan mengikut selera sesiapa jua tanpa berpedomankan aspirasi sumber asal.

Konsep negara bangsa (Nation-state) secara ringkas disebut sebagai "A single nation in a single state". Negara tidak boleh terlepas bebas daripada



'Pembinaan Negara Bangsa dan Penerapan Gagasan 1Malaysia oleh Dato Hj A.Aziz Deraman sempena Kuliah Budaya.'

aspek pembangunan kebudayaan yang di dalamnya terangkum persoalan bahasa, sastera atau persuratan, pemikiran, falsafah, kesenian, aspek kebendaan, nilai dan norma yang menjadi unsur-unsur penting dalam usaha membina peradaban yang bermatlamatkan perpaduan, keperibadian kebangsaan dan perseimbangan kehidupan dengan aspek kemanusiaan atau kerohanian. Oleh yang demikian, sebarang pembaharuan atau transformasi tidak akan bermakna sekiranya masih semata-mata diberikan kepada tumpuan ekonomi tanpa suatu kesatuan menyeluruh antara semua bidang kehidupan negara dan bangsa.

Keutuhan sesebuah negara bangsa ditunjuki oleh ikatan-ikatan persamaan yang dikongsi secara sadar dan insaf di kalangan seluruh lapisan rakyat terutama tentang penghayatan aspirasi Perlembagaan. Di Malaysia ikatan itu adalah kesedaran tentang wujudnya tonggak-tonggak penting kenegaraan misalnya Institusi Yang Di Pertuan Agong (konsep ketua Negara atau ketua negeri), Islam sebagai agama rasmi, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi, kedudukan istimewa Melayu dan bumiputera, hak asasi, Rukun Negara, dasar-dasar nasional di bidang pendidikan, kebudayaan, sosial dan sebagainya.

Gagasan Satu Malaysia atau 1Malaysia dicetuskan ideanya sebagai satu gagasan baru, diperkenalkan YAB Dato' Sri Mohd Najib Perdana Menteri (PM) ke 6 sewaktu mengangkat sumpah jawatan pada 3 April 2009. Beliau menganggapkannya sebagai aspirasi demi satu transformasi besar buat negara dengan semangat slogan 'Satu Malaysia – Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Hasrat beliau untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara disebutkannya sebagai "lahir hasil dari inspirasi dan dorongan serta suri teladan" ayahanda beliau, Allahyarham Tun Abdul Razak, PM Ke-2. Dalam beberapa hal dijangka mungkin beliau akan mengambil pendekatan dan strategi baru berpandukan pedoman ayahandanya itu dalam menegakkan perpaduan dan kesatuan bangsa.

Konsep gagasan ini tetap sama, yakni untuk rakyat dan negara, suatu penerusan matlamat ke arah mencapai matlamat perpaduan negara dan melahirkan

bangsa Malaysia yang bersatu teguh berpegang kepada Perlembagaan Negara dan prinsip-prinsip Rukun Negara. 1Malaysia tidak sama dengan konsep 'Malaysian Malaysia' tajaan kepentingan politik golongan tertentu dan bukan pula merupakan satu konsep asimilasi. Rakyat diseru agar tidak terperangkap dengan laungan golongan itu yang mendakwa bahawa kedua-dua gagasan itu adalah gagasan yang sama konsep dari segi bentuk dan isinya.

Falsafah 1Malaysia akan tetap memayungi pentadbiran negara tanpa meninggalkan mana-mana gagasan terdahulu tetapi sebagai suatu kesinambungan. Oleh itu gagasan ini akan juga memacu hasrat dan visi Wawasan 2020 (Tun Dr Mahathir Mohamad) dan bangsa 'Cemerlang, Gemilang dan Terbilang' (Tun Abdullah Ahmad Badawi). Sebagai suatu kesinambungan dasar-dasar terdahulu, maka gagasan itu bukan menjadi perkara baru tetapi usaha-usaha memelihara dan menjaga kepentingan rakyat sejak zaman Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang dimungkinkan oleh strategi dan pendekatan baharu.

Konsep '1Malaysia' mengaitkan bahawa Kerajaan akan mengutamakan rakyat dengan merentasi seluruh lapisan masyarakat serta kumpulan etnik di setiap pelusuk tanah air dalam erti kata tidak ada sesiapa yang patut merasakan diri tercicir atau terpinggir daripada wacana nasional. Kita bertindak dan berfikir sebagai bangsa Malaysia 'Kesatuan Dalam Kepelbagaian'. Penegasan YAB Dato' Sri Mohd Najib: "Kita berdiri, kita berfikir dan bertindak sebagai bangsa Malaysia. One People. Dan kita mengambil tindakan-tindakan berdasarkan kehendak semua kumpulan



Konsep perpaduan hendaklah di pupuk di kalangan kanak-kanak sedari awal

etnik dalam negara kita... ini bukan bererti kita mengetepikan dasar afirmatif, dasar untuk menolong kaum Bumiputera asalkan dasar itu dilaksanakan dengan cara yang adil dan memberi pertimbangan kepada golongan Bumiputera yang layak mendapat sesuatu pertimbangan daripada kerajaan. Kita keluar daripada cara bertindak dalam tembok etnik yang kita amalkan sejak sekian lama”.

Kesimpulannya, negara dan bangsa maju bangkit dengan mengikut acuan Malaysia sendiri. Aspirasi Perlembagaan dan makna kontrak sosial perlu difahami setiap lapisan rakyatnya. Dasar-dasar nasional yang pragmatik dengan rasionalnya patut diteruskan. Strategi dan pendekatan baru diperlukan agar gagasan 1Malaysia bukannya retorik politik tetapi suatu bentuk yang memerlukan pengisian. Jika peradaban sesuatu bangsa terbina oleh kekuatan politik, ekonomi, sosial dan amalan kebudayaan tinggi, maka dalam konteks Malaysia, peradabannya akan muncul dari keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang serta dasar-dasar nasional yang utama. Nilai-nilai Rukun Negara diperluaskan penghayatannya semula. Pembangunan sosial atau apa sahaja kemajuan sistem (termasuk politik dan ekonomi) menuntut suatu transisi dan transformasi budaya yang menyentuh peranan budaya dalam konteks perubahan sikap dan pandangan keseluruhan rakyat terhadap satu kesatuan bangsa Malaysia.

Konsep 1Malaysia membawa aspirasi memperkukuh perpaduan dan hubungan kerjasama antara rakyat pelbagai kaum sebagai senjata menghadapi ancaman dan cabaran yang boleh menggugat kesejahteraan hidup dari dalam dan luar. Malaysia akan lebih aman, stabil dan maju dalam segenap bidang dan tegak berdiri teguh di mata dunia sekiranya konsep tersebut dihayati sepenuhnya dengan rasa kebersamaan, perimaan hakikat dan rasa kekitaan di kalangan semua peringkat dan lapisan rakyat, kepimpinan institusi dan organisasi tanpa meminggirkan hak-hak kenegaraan berbanding dengan hak-hak kaum sebagaimana diperbolehkan oleh norma bangsa berpandukan Perlembagaan, pasti akan membawa satu kesepakatan yang mantap dan jitu yang menjadi kebanggaan dan kemegahan Malaysia.



Bengkel Fotografi Cetuskan "COFFEE TABLE BOOK"

OLEH: ISMAIL BIN HAMDAN

Dalam usaha pendokumentasian aktiviti seni dan budaya dalam bentuk fotografi, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Selangor dengan kerjasama Kelab Sahabat Foto Seni Budaya Negeri Selangor, telah menganjurkan Bengkel Fotografi pada 16 dan 17 Mei 2009, bertempat di Dewan Perpustakaan Awam Negeri Selangor. Bengkel dibawah kendalian Puan Zeqhty Natrah Ramli ini, telah berjaya menarik penyertaan seramai 90 orang peserta yang terdiri daripada ahli Kelab Sahabat Foto Negeri Selangor serta individu yang berminat sekitar Shah Alam.

Fotografi merupakan salah satu cara untuk melihat dan menterjemahkan subjek foto kedalam media dua dimensi. Justeru, menjadikan ia sebagai media untuk menyalurkan maklumat kepada orang lain seperti iklan bergambar. Salah satu syarat utama seorang jurugambar adalah memiliki kemampuan serta kecerdasan visual ditahap yang paling tinggi, baik pada tahap pengetahuan mahu pun praktikal. Jurugambar bukan hanya mampu mengabadikan sebuah peristiwa melalui gambar yang boleh menterjemahkan peristiwa dalam sekelip mata, namun mampu menganalisis sesuatu yang tersirat disebalik imej pelbagai. Oleh itu, seorang jurugambar harus memiliki beberapa keterampilan dasar, seperti teknik mengendalikan

kamera, penguasaan tata cahaya dan pemilihan sudut, menguasai komposisi fotografi, mampu mengemas objek foto sesuai dengan maksudnya, dan merawat peralatan fotografi secara baik.

Dengan berakhirnya bengkel yang dilaksanakan selama dua hari itu, berjaya menghasilkan dan menerbitkan "Coffee Table Book" yang di ilhamkan oleh YBrs Encik Rosli Osman Pengarah JKKN Negeri Selangor. Himpunan kepelbagaian warna-warni seni dan budaya dalam penerbitan ini menjadi pencetus kepada sentuhan mesra JKKN Negeri Selangor serta pengamal seni budaya tanah air. JKKN Negeri Selangor mengharapkan agar para peserta dan rakan-rakan foto dapat menambahkan lagi nilai penguasaan dalam mentafsir objek atau imej karya yang dihasilkan kelak.



Bengkel Pemantapan dan Manifestasi Kumpulan Kesenian Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

OLEH: JUNAIDAH SALLEH



Antara Fasilitator dan penceramah yang terlibat dalam Bengkel Pemantapan dan Manifestasi KKJKKN.

Kumpulan Kesenian Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (KKJKKN) diwujudkan di peringkat negeri pada tahun 2004. Penubuhan KKJKKN ini adalah berdasarkan keputusan mesyuarat pengurusan

KEKKWA yang bertujuan untuk mewujudkan Kumpulan Satelit sebagai pelapis dan memenuhi keperluan dalam usaha menyemarakkan lagi aktiviti seni budaya negara. KKJKKN diwujudkan di semua negeri kecuali Negeri Kelantan yang menguruskan Kumpulan Kesenian Mak Yong, manakala Kumpulan Kesenian Negeri Selangor (KKNS) diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan diletakkan dibawah kelolaan JKKN Negeri Selangor.

Peranan KKJKKN dalam menyemarakkan program kesenian telah meliputi semua peringkat baik daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Dari masa ke semasa, KKJKKN berjaya menempatkan diri sebagai satu kumpulan kebudayaan bertaraf nasional dan dijadikan landasan ke arah merintis pelapis penggiat seni melalui bimbingan seni budaya seperti bengkel, seminar dan kursus.


Pada 14 hingga 18 November 2009, JKKN telah mengadakan Bengkel Pemantapan dan Manifestasi



Kumpulan Kesenian Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, bertempat di Port Dickson, Negeri Sembilan. Tujuan penganjuran bengkel ini diadakan untuk memberikan pengetahuan dan maklumat mengenai etika dan penampilan diri sebagai Artis Budaya. Justeru, dapat menghasilkan satu bentuk rekaan dan karya baru dalam bidang seni tari. Disamping itu, diharap penganjuran ini juga dapat memberi input yang berguna kepada Artis Budaya KKJKN untuk memantapkan ilmu dan kemahiran mereka dalam bidang tari di samping meningkatkan semangat setia kawan di kalangan Artis KKJKN di peringkat negeri - negeri.

Sepanjang berlangsungnya bengkel ini, semua Artis Budaya KKJKN telah didedahkan dengan Nilai dan Estetika Tari oleh Dato' Prof Emeritus Mohd Ghouse Nasuruddin, Pengenalan Asas tari, serta Etika dan Keterampilan oleh Datin Syarifah Mahani Syed Kassim, Teknik – teknik Tari Dalam Persembahan oleh A. Aris Kadir, Anatomi dan Kecederaan oleh Dr. Dhanya Thurairajah, Peranan dan Tanggungjawab Artis Dalam Persembahan oleh Taufik Ibrahim, dan Muzik Dalam Tari oleh Mohd Yazid Mohd Zakari.

Bengkel Pemantapan dan Manifestasi KKJKN ini merupakan titik permulaan ke arah pembangunan industri kreatif yang mampu memperkasakan Seni Budaya Negara. Semoga ilmu yang perolehi sepanjang bengkel ini dapat dimanfaatkan dan dikembangkan bagi memperkasakan seni budaya bangsa seterusnya mengekalkan identiti Malaysia dengan Gagasan 1Malaysia.



**BUKU-BUKU / CD / VCD TERBITAN
JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA**

KATEGORI BUKU

BIL.	TAJUK		ISBN	HARGA (RM)	KUANTITI
1.	1000 Pantun Dondang Sayang		983-41984-3-4	20.00	
2.	A Collection Of Cultural Appreciation Series 1/2003			48.00	
3.	Acting Aspect in Bangsawan Theatre		983-41984-9-3	35.00	
4.	Aspek Lakonan Dalam Teater Bangsawan	(kulit tebal)	983-3374-02-6 (kt)	43.00	
		(kulit nipis)	983-3374-01-8	35.00	
5.	Adat Istiadat Perkahwinan Tradisional Melayu Terengganu		983-2579-01-5	14.00	
6.	Adat Resam Masyarakat Malaysia		983-41984-8-5	18.00	
7.	Alam Terbentang menjadi Guru		983-4225-4-3	20.00	
8.	Alat-alat Muzik Dan Muzik Instrumental Kadazan Dusun Tambunan		983-41609-0-9	8.50	
9.	Alat Muzik Sompoton Negeri Sabah		983-41609-1-7	8.50	
10.	Anak Raja Gondang dan Lain-Lain Cerita Makyung		983-3374-06-9	15.00	
11.	Siri Budaya, Bahasa dan Sastera Dalam Masyarakat Malaysia (Budaya, Bahasa dan Sastera Dalam Masyarakat Malaysia - Jilid I)		983-42225-7-4	20.00	
12.	Siri Budaya, Bahasa dan Sastera Dalam Masyarakat Malaysia (Bahasa Melayu Titian Ilmu - Jilid II)		983-42225-9-8	20.00	
13.	Siri Budaya, Bahasa dan Sastera Dalam Masyarakat Malaysia (Sastera Kebangsaan, Pendidikan Sastera dan Pembinaan Bangsa - Jilid III)		983-44252-0-3	20.00	
14.	Biografi Primadona Bangsawan : Aminah Nani		967-903-062-8	12.00	
15.	Dondang Sayang Tradisi Negeri Melaka		-	10.00	
16.	Hari-Hari Perayaan Masyarakat Malaysia		983-3374-10-7	18.00	
17.	Hari-hari Perayaan Masyarakat Malaysia (Bahasa Mandarin)		983-42225-3-6	35.00	
18.	Istiadat Naik Buai		983-41604-0-2	8.50	
19.	Istiadat Perkahwinan Melayu Perak		-	8.50	
19.	Joget Gamelan Terengganu & Pahang		983-3374-00-X	78.00	
20.	Joget Lambak		-	10.00	
21.	Kisah Ombak Tiga Bersaudara		983-42225-5-0	23.00	
22.	Koleksi Pengenalan Tarian & Muzik Tradisional Negeri Pahang		-	10.00	
23.	Malaysian Festivals		983-3374-18-2	25.00	
24.	Negeri Kebayan dan Lain-Lain Cerita		983-3774-05-0	15.00	
	Nyanyian Rakyat Khazanah Bangsa Yang Hilang		983-41984-0-X	12.00	
26.	Pantun Warisan Rakyat		983-442-521-0	15.00	
27.	Penyair Laut J. M. Aziz	(kulit tebal)	983-41984-2-6	35.00	
		(kulit nipis)		30.00	
28.	Rampaian Seni Terengganu		983-2579-02-3	15.00	
29.	Resepi Nasi 100		983-42225-0-5	30.00	
30.	Sejarah Dan Perkembangan Boria Pulau Pinang		-	8.50	
31.	Sejarah dan Perkembangan Tarian Tarinai Perlis		983-41583-0-0	8.50	
32.	Seri Terengganu		983-2579-02-3	25.00	
33.	Seniman Negara Ke-7 Datuk (Dr) Ahmad Nawab		983-3374-23-6	45.00	
34.	Set Koleksi Siri Mengenal Budaya 1/2003		-	48.00	
35.	Siri Tokoh Anugerah Seni Negara		-	48.00	
36.	Syair Asyiqin		983-41984-1-8	12.00	
37.	Syed Alwi Artiste Extraordinaire		983-41984-6-9	30.00	
38.	Syed Alwi Seniman Negara	(kulit tebal)	983-4198-4-2	52.00	
		(kulit nipis)	983-41984-5-0	30.00	
39.	Tamadun Rumpun Budaya Melayu		967-903-069-5	20.00	
40.	Tradisi Lisan Bercorak Cerita		983-41984-7-7	30.00	
41.	Wayang Gedek Kesenian Warisan Melayu		967-903-068-7	15.00	

KATEGORI CD/VCD/DVD

BIL.	TAJUK	KATEGORI	HARGA (RM)	KUANTITI
1.	Pembelajaran Tarian-Tarian Malaysia	DVD	15.00	
2.	Senam Seni Malaysia	DVD	10.00	
3.	Dodoi Si Manja	VCD	10.00	
4.	Festival Kesenian ASEAN	VCD	10.00	
5.	Festival Kesenian Kanak-Kanak 2003	VCD	10.00	
6.	Gasing Malaysia	VCD	10.00	
7.	Kesenian Tradisional Negeri Melaka	VCD	10.00	
8.	Kesenian Tradisi Negeri Selangor Darul Ehsan	VCD	10.00	
9.	Majlis Kenduri Adat Melenggang Perut	VCD	10.00	
10.	Manifestasi Muzik Tradisional Malaysia 2001	VCD	10.00	
11.	Perkahwinan Adat Rembau	VCD	10.00	
12.	Persembahan Rebana Kercing	VCD	10.00	
13.	Persembahan Wayang Gedek Seri Asun	VCD	10.00	
14.	Selampit Raja Besar Ho Gading	VCD	10.00	
15.	Semangat Merdeka	VCD	10.00	
16.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Hamdolok	VCD	10.00	
17.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Jikey	CD	10.00	
18.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Mek Mulung	VCD	10.00	
19.	Tarian Tradisional Terengganu	VCD	10.00	
20.	Tunas Budaya	VCD	10.00	
21.	Upacara Pasak Indong : Majlis Kenduri Adat Kaum Tidong	VCD	10.00	
22.	Bintang Asli Remaja 2006	CD	15.00	
23.	Dendangan Indera Kayangan	CD	10.00	
24.	Dendang Rakyat Terengganu	CD	10.00	
25.	Folk Tunes of Malaysia / Irama Lagu-Lagu Rakyat Malaysia	CD	10.00	
26.	Irama Asli (Minus One)	CD	20.00	
27.	Irama Malaysia (Minus One)	CD	20.00	
28.	Keroncong	CD	10.00	
29.	Kompilasi Nasyid Budi Bahasa	CD	10.00	
30.	Lagu-Lagu Bongai	CD	10.00	
31.	Lagu-lagu Kumpulan Tumbuk Kalang	CD	10.00	
32.	Lagu-Lagu Rakyat Malaysia (Zainal Abidin)	CD	10.00	
33.	Lagu-Lagu – Melayu Sarawak : Tergeleng-geleng	CD	10.00	
34.	Lagu-Lagu Rakyat Negeri Pahang : Roslan Madun	CD	10.00	
35.	Muzik & Lagu Tradisional Perak	CD	10.00	
36.	Pertandingan Akhir Bintang Asli Remaja Kebangsaan 2007	CD	10.00	

Nama Syarikat _____

Pesanan oleh _____

Alamat _____

Tel. Pejabat _____ H/P : _____

BAHAGIAN DOKUMENTASI & PENERBITAN

Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara
Tingkat 30, Bangunan Mas,
Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur

Pegawai yang boleh dihubungi :

03-2052 3642 (Cik Rohaniza Abdullah)
03-2052 3643 (En Muhd Haqkam Hariri)
03-20523644 (Cik Doria Victoria Janiur)
03-2052 3721 (Pn.Fauziah Ahmad)

No.Tel : 03-2052 3600 (G/L) Fax : 03- 21633859

www.jkkn.gov.my

www.kebudayaankesenian.blogspot.com



informasi Seni & Budaya di hujung Jari ANDA



جباتن كبودايان دان كسنيان نكارا

JKKN

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA
Tingkat 21 - 34, Bangunan MAS,
Jalan Sultan Ismail,
50250 KUALA LUMPUR

☎ 03 2052 3600

☎ 03 2052 3726 / 03 2163 3859

✉ info.budaya@gmail.com
dokumentasi2008@gmail.com



Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
MALAYSIA

PEJABAT JKKN NEGERI SELURUH MALAYSIA

Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
Negara Negeri Perlis,
Kompleks Taman Budaya Negeri
Perlis,
Jalan Lintasan Kangar,
01000 Kangar,
PERLIS INDERA KAYANGAN
No. Tel : 04-9793604
No. Faks : 04-9770117

Pengarah,
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
Negara Negeri Kedah,
Taman Budaya Negeri,
Lot PTD 400, Pumphong,
05250 Alor Setar,
KEDAH DARUL AMAN.
No. Tel : 04-7315930
No. Faks : 04-7738128

Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
Negara Negeri Pulau Pinang,
Kompleks Pusaka Warisan Seni,
Lot 2180, Jalan Rawang,
Off Jalan P. Ramlie,
10460 PULAU PINANG
No. Tel : 04-2817792
No. Faks : 04-2817781

Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
Negara Negeri Perak,
Taman Budaya Negeri Perak,
Jalan Caldwell, Off Jalan Raja Dihilir,
30250 Ipoh,
PERAK DARUL RIDZUAN
No. Tel : 05-2537001
No. Faks : 05-2417017

Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
Negara Negeri Selangor
Lot 22.2, Tingkat 22, Wisma MBSA,
Persiaran Perbandaran,
40000 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN
No. Tel : 03-55102664
No. Faks : 03-55102839

Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
Negara Negeri Melaka
Taman Budaya Negeri Melaka
Lebuh Ayer Keroh,
75450 MELAKA
No. Tel : 06-2331787
No. Faks : 06-2331784

Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
Negara Negeri Sembilan,
Taman Budaya Negeri Sembilan,
Jalan Sungai Ujong,
70200 Seremban,
**NEGERI SEMBILAN DARUL
KHUSUS.**
No. Tel : 06-7636308
No. Faks : 06-7634417

Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
Negara Negeri Pahang,
Taman Budaya Negeri Pahang,
Lot 571, Jalan Telok Sisek,
25000 Kuantan,
PAHANG DARUL MAKMUR
No. Tel : 09-5178466
No. Faks : 09-5179466

Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
Negara Negeri Johor,
Ruang 5 dan 6, Tingkat 13,
Peti Surat 223,
KOMTAR, Jalan Wong Ah Fook,
80000 Johor Bahru,
JOHOR DARUL TAKZIM
No. Tel : 07-2248270
No. Faks : 07-2239413

Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
Negara Negeri Terengganu,
Taman Budaya Negeri Terengganu,
Kuala Ibai,
20400 Kuala Terengganu,
TERENGGANU DARUL IMAN
No. Tel : 09-6178831
No. Faks : 09-6178832

Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
Negara Negeri Kelantan,
Taman Budaya Negeri Kelantan
Lot 1993, Seksyen 49, Tanjung Chat,
16200 Kota Bharu,
KELANTAN DARUL NAIM.
No. Tel : 09-7417000
No. Faks : 09-7417004

Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
Negara Negeri Sarawak,
Tingkat 5, Bangunan Sultan
Iskandar,
Jalan Simpang Tiga,
93300 Kuching,
SARAWAK
No. Tel : 082-422006
No. Faks : 082-244394

Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
Negara Negeri Sabah,
Tingkat 2, Wisma Bank Simpanan
Nasional,
Jalan Kemajuan, Karamunsing,
88100 Kota Kinabalu,
SABAH
No. Tel : 088-237052
No. Faks : 088-242052

Pengarah
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
Negara Wilayah Persekutuan Kuala
Lumpur,
Taman Budaya Kuala Lumpur
Jalan Tun HS Lee
50300 KUALA LUMPUR.
No. Tel : 03-20726431
No. Faks : 03-20704064

ISSN 2180-009X



9 772180 009005